

SRITI Sijangkang mohon dana RM300,000

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SIJANGKANG - Sekolah Rendah Integrasi Tahfiz Islam (SRITI) Sijangkang memerlukan dana tambahan RM300,000 lagi untuk melengkapkan pembinaan sekolah yang bakal beroperasi selewat-lewatnya pertengahan tahun ini.

Guru Besar, Mahmudin Simin, 59, berkata, ketika ini peruntukan sebanyak RM600,000 diterima untuk pembinaan beberapa buah kelas, pejabat dan surau sementara bagi memberi laluan kepada operasi pendidikan di premis itu.

Menurutnya, seramai 120 murid sekolah tahun satu dan tahun dua ditempatkan sementara di Masjid Sijangkang buat sementara waktu sejak tahun lalu.

"Pengambilan murid pula hanya 60

Bakal digunakan tampung kos pembinaan sekolah

orang untuk empat buah kelas dengan bayaran yuran bulanan sebanyak RM290.

"Permintaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah ini tinggi, melalui pemerhatian ada antara ibu bapa dari Klang dan Banting turut menghantar anak-anak belajar di sini memandangkan waktu pembelajaran dari jam 7.30 pagi hingga 4 petang,"katanya kepada Sinar Harian.

Mahmudin berkata, bangunan dua tingkat bakal didirikan itu terletak bersebelahan Masjid Sijangkang disebabkan itu murid terpaksa menumpang di masjid berkenaan.



Pihaknya bersyukur penduduk setempat mengalu-alukan pembinaan sekolah itu selain mendapat bantuan kewangan daripada pelbagai pihak termasuk penduduk sekitar bagi pembangunan pendidikan di Kampung Sijangkang.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Islam : 12243010009776 (Pembinaan SRITIS) atau bolehlah menghubungi 0136797647 (Mahmudin)



Bangunan sekolah dua tingkat yang sedang dalam pembinaan memerlukan sumbangan dari orang ramai dan penduduk setempat.

SK Taman Melawati juara kriket



Abdul Ghaffar (tiga, kanan) merasmikan Kejohanan Kriket Tape Ball Super 8 Challenge Trophy di SK Puchong baru-baru ini.

PUCHONG - Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Melawati muncul juara Kejohanan Kriket Tape Ball Super 8 Challenge Trophy yang julung-julung kali diadakan di SK Puchong baru-baru ini.

Naib juara pula menjadi milik SK Puchong Jaya 2 sementara SK Puchong sekadar berpuas hati di tempat ketiga.

Pegawai Pendidikan Negeri Selangor, Abdul Ghaffar Bakar berkata, kejohanan tersebut diadakan untuk menyemarakkan lagi minat pelajar sekolah rendah kepada sukan kriket.

"SK Puchong pertama kali menganjurkan kejohanan seperti ini untuk pemain kategori bawah 12 tahun sejak sekolah ini diwujudkan pada tahun 1946.

"Lapan buah sekolah rendah mengambil bahagian dalam kejohanan kali ini yang melibatkan seramai 100 orang pelajar bersama 40 orang guru," katanya yang menyempurnakan kejohanan tersebut.

Turut hadir dalam acara perasmian kejohanan Guru Besar SK Puchong, Norlailla Jamaludin dan wakil Kelab Kriket Rhino serta Kelab Kriket Assak.

Orang Asli terus dibela

BUKIT CHEEDING - Kerajaan tidak pernah meminggirkan masyarakat Orang Asli di daerah ini dan sentiasa memastikan kebajikan golongan itu terus terbelas.

Pengerusi BN Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd. Karli berkata, kemudahan seperti sekolah dan jalanraya sentiasa ditiitkberatkan oleh kerajaan sehingga akses ke kawasan pedalaman lancar dan selamat.

"Hari ini kita boleh lihat kejayaan anak-anak Orang Asli dalam bidang pelajaran hingga ada yang menjadi doktor, peguam dan akauntan. Kita mesti bangga dengan itu.

"Saya difahamkan

kehadiran anak orang Asli ke sekolah mencapai 92 peratus dan sekolah ini mencapai keputusan yang terbaik dalam kalangan sekolah Orang Asli di daerah ini,"katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana Sekolah Kebangsaan Asli Bukit Cheding (SKABC) ke-10, di sini.

Hadir sama Guru Besar SKABC, Roslan Lebai Yaakob dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru SKABC, Nanut Atan.

Sulaiman berkata, selagi BN memerintah negara selagi itu nasib Orang Asli akan terus terbelas tidak kira dari sudut sosial mahupun ekonomi.

Katanya, beliau juga mahu melihat anak-anak Orang Asli tidak berasa terpinggir.



Sulaiman (dua, kiri) menitiram pokok sebagai simbol Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana Sekolah Kebangsaan Asli Bukit Cheding (SKABC) Ke-10, di sini.